KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 MEI 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia usaha secara konsisten untuk tingkatkan keselamatan pengguna	BERNAMA
2.	200 peserta dijangka hadir persidangan revolusi perindustrian keempat	BERNAMA
3.	Ransonware Wannacry: hanya satu laporan diterima, banyak lagi kes tidak dilaporkan	BERNAMA
4.	Ransomware: Only one report received, but more unreported	BERNAMA
5.	MCMC ups defence against ransomware wannacry Cyber Attacks	BERNAMA
6.	Cyber attack hits academic body	The Sun
7.	WannaCry menangis tak berlagu	Harian Metro
8.	Wang tebusan internet	Harian Metro
9.	Hanya 1 laporan kes 'ransomware'	Berita Harian
10.	Ransomware now matter of national security	Malay Mail
11.	Bicara berirama terjemahkan matlamat WOW 2017	Utusan Malaysia
12.	Mana pergi RM1.7 bilion?	Harian Metro
13.	Tiga termasuk pengasas pelaburan JJPTR diberkas	Utusan Malaysia
14.	Pendekatan pembayaran cukai berbeza untuk penggiat seni	Utusan Malaysia
15.	OneBAJA ready for market	New Straits Times

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 17 MEI 2017 (RABU)

Malaysia Usaha Secara Konsisten Untuk Tingkatkan Keselamatan Pengguna

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Malaysia berusaha secara konsisten untuk meningkatkan keselamatan pengguna termasuk keselamatan jalan raya menerusi aktiviti standardisasi terutamanya dalam pembangunan standard, kata **Menteri Sains, Teknologi & Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.**

Menurut beliau , Jawatankuasa Standard Industri Pengangkutan dan jawatankuasa teknikalnya telah membangunkan 252 Standard Malaysia (SM) dengan beberapa produk termasuk topi keledar, tayar pneumatik baharu dan beg udara sudah mempunyai SM berkaitan.

"Daripada jumlah keseluruhan 252 SM, 17 standard sudah dijadikan mandatori oleh pihak berkuasa.

Produk yang mematuhi standard mandatori pasti membantu pengguna untuk membezakan kualiti dan keselamatan produk menerusi tanda pensijilan dan label yang dikenali pihak berkuasa berkaitan.

"Malaysia juga adalah anggota aktif Jawatankuasa Teknikal 22 ISO Mengenai Kenderaan di Jalan Raya dan Jawatankuasa Teknikal 241 Mengenai Sistem Pengurusan Lalu LIntas Jalan Raya.

Penglibatan ini juga selari dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020, yang menyasar untuk mengurangkan kemalangan jalan raya, kecederaan dan kematian menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Ke-39 Jawatankuasa Dasar Pengguna Organisasi Standardisasi Antarabangsa (COPOLCO) , di sini hari ini.

Jabatan Standard Malaysia ditubuhkan pada 24 Ogos, 1996 di bawah kementerian dan tertakluk di bawah Akta Standard Malaysia 1996, untuk memberikan keyakinan menerusi perkhidmatan standardisasi dan akredetasi yang boleh dipercayai untuk daya saing sejagat.

Mesyuarat yang Bertemakan 'Keselamatan Jalan Raya Menerusi Reka Bentuk' dianjurkan buat kali kedua di sini oleh Jabatan Standard Malaysia dari 15 hingga 18 Mei.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 17 MEI 2017 (RABU)

200 Peserta Dijangka Hadir Persidangan Revolusi Perindustrian Keempat

Oleh Siti Radziah Hamzah

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Seramai 200 peserta daripada kalangan ahli akademik dan korporat dijangka menghadiri persidangan berkaitan dengan revolusi perindustrian keempat yang dianjurkan oleh Universiti UCSI pada 23 Mei ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) Universiti UCSI Profesor Datuk Dr Ahmad Zainuddin berkata persidangan tersebut diadakan untuk menggalakkan perkongsian idea serta meningkatkan keupayaan pemain industri dan universiti dalam merangka kurikulum, pembangunan pengetahuan baharu dan mewujudkan peluang pekerjaan.

"Tujuan persidangan tersebut adalah untuk menggandingkan revolusi perindustrian keempat dengan program Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang seiring dengan perubahan teknologi dan cara hidup masyarakat," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual, baru-baru ini.

Ahmad berkata, persidangan sehari yang bertemakan "Membentuk Industri Malaysia bagi Revolusi Perindustrian Keempat" itu akan dilancarkan oleh **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau**.

Turut dijangka hadir ialah Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Tinggi Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir.

Antara ahli panel persidangan tersebut ialah Naib Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) Jacob Lee, Kurator World Economic Forum Global Shapers Dr Renard Siew dan Pengarah Urusan Cisco Malaysia Albert Chai.

"Kita memerlukan pendekatan yang mampan untuk menghadapi arus perubahan yang begitu mendadak melalui teknologi digital. Kita akan kumpulkan pandangan idea-idea yang relevan dalam persidangan tersebut kepada kerajaan untuk dipertimbangankan," kata Ahmad.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 17 MEI 2017 (RABU)

Ransomware Wannacry: Hanya Satu Laporan Diterima, Banyak Lagi Kes Tidak Dilaporkan

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- **CyberSecurity Malaysia** menerima satu laporan rasmi daripada institusi akademik dan beranggapan terdapat lebih banyak insiden yang tidak dilaporkan berhubung serangan global 'Ransomware WannaCry'.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Datuk Amirudin Abdul Wahab menggesa semua organisasi untuk berwaspada dan meneruskan tindakan yang perlu untuk melindungi dan menjamin infrastruktur rangkaian mereka daripada terjejas.

Agensi pakar keselamatan siber nasional di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** itu juga menasihatkan pentadbir sistem di setiap organisasi agar 'patch' sistem komputer mereka dan mengingatkan pengguna agar sentiasa berwaspada dengan serangan Ransomware ini bagi menghalang mereka daripada klik e-mel mencurigakan.

Amirudin berkata serangan Ransomware bukanlah satu ancaman siber baharu kerana agensi itu sebelum ini telah menerima laporan berkaitan dengan Cryptolocker, Cryptowall, CBT Locker, Teslacrypt Locky dan beberapa jenis Ransomware.

"Ia disasarkan kepada pengguna individu dan perniagaan," katanya.

"Perisian berniat jahat ini menjangkiti komputer, mengunci dan 'encrypt' fail di dalam komputer serta menghalang akses pengguna kepada sistem komputer sehinggalah wang tebusan dibayar kepada penghantar serangan untuk membuka kunci perisian itu.

"Antara kesannya ialah kehilangan data berharga, gangguan operasi organisasi dan reputasi serta kos tinggi yang ditanggung untuk proses pemulihan," katanya.

Beliau turut mencadangkan agar orang awam mendapatkan maklumat tepat daripada sumber rasmi dan mengesahkan maklumat itu sebelum berkongsi melalui media sosial kerana terdapat banyak mesej palsu berkaitan Ransomware WannaCry yang telah tular.

Amirudin memberi jaminan bahawa CyberSecurity secara proaktif akan terus memantau keadaan semasa dan akan mengambil tindakan yang perlu dengan menyediakan bantuan teknikal kepada organisasi dan pengguna individu yang terjejas bagi pemulihan dan pencegahan melalui perkhidmatan Cyber999.

Orang ramai boleh melaporkan sebarang serangan Ransomware dengan menghubungi pusat bantuan Cyber999 menerusi talian bebas tol 1-300-88-2999 atau telefon bimbit 0192665850, SMS aduan ke 15888 atau e-mel cyber999@cybersecurity.my atau mycert@mycert.org.my.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 17 MEI 2017 (RABU)

Ransomware: Only One Report Received, But More Unreported

SERI KEMBANGAN, May 16 (Bernama) -- **CyberSecurity Malaysia** said it has received one official report from an academic institution and assumed there were more unreported incidents related to the 'WannaCry Ransomware' global attack on May 12.

In a statement here this evening, CyberSecurity Malaysia chief executive officer, Datuk Amirudin Abdul Wahab urged all organisations to be alert and continue with the necessary action to protect and secure their network infrastructure from being affected.

CyberSecurity, the national cyber security agency under the Science, Technology and Innovation Ministry, also advised organisations to patch up their systems and keep their users aware of the Ransomware attack in order to prevent them from clicking on suspicious emails.

Amirudin said the Ransomware attack was not a new cyber threat as the agency had previously received reports related to Cryptolocker, Cryptowall, CBT Locker, Teslacrypt Locky and several types of Ransomware.

"It is targeted to both individual users as well as businesses," he said.

"These malicious software infect computers, locks and encrypt files in the computer and prevent users access to the system until a ransom is paid to the creators to unlock the software.

"Among the impacts are loss of valuable data, disruption of an organisation's operation and reputation, and the high cost incurred in the recovery process," he said.

He also suggested that the public obtain the right information from official sources and verify the information before sharing it on social media as there are many hoax messages related to Ransomware WannaCry that have gone viral.

Amirudin assured that CyberSecurity is continuously and proactively monitoring the current situation and would take the necessary action by providing technical assistance to the affected organisations and individual users on remediation and prevention through its Cyber999 service.

The public can report any type of Ransomware by contacting the Cyber999 help service through its toll-free phone line: 1-300-88-2999 or mobile: 0192665850, SMS: Cyber999 report email complaint to 15888 or email: cyber999@cybersecurity.my or mail to:mycert@mycert.org.my.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 17 MEI 2017 (RABU)

MCMC Ups Defence Against Ransomware Wannacry Cyber Attacks

KUALA LUMPUR, May 16 (Bernama) -- The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) has stepped up the national cyber defence and security system to check the Ransomware Wannacry cyber attacks that hit the world last Friday, said Communications and Multimedia Minister Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak.

He said MCMC had not received any official report on the cyber virus attacks in the country although there had been some media reports on these.

"Right now, we have yet to receive any report of the threat but we have been informed through the media that there have been 10 reports of such attacks in the country," he said to reporters after attending 'An Evening with Artistes' organised by the Inland Revenue Board in cooperation with the National Film Development Corporation Malaysia (Finas).

The National Security Council had detected the Ransomware Wannacry cyber attack threat around the world. The virus prevents access to data in the computer that it attacks.

CyberSecurity Malaysia CEO Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab confirmed that only official report was received on the attack so far, but the agency believed that there had been many cases which were not reported to it.

Earlier, in his speech, Salleh asked LHDN, Finas and the associations of artistes and celebrities to work together to assist the artistes on tax-related issues.

He said this was to enable the artistes to get an explanation and information on taxation to avert problems such as not paying tax.

"There has to be an understanding. Not many know that there is a difference in the entertainment industry. Some artistes do not have a permanent income, some use their income for welfare, some use the income to buy clothes and such.

"I think there must be a solution, not too rigid, but with flexibility. Dialogues such as this are good in resolving problems, " he said.

Salleh suggested that artistes be given flexibility on payment of tax based on the fact that they did not have a permanent income.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 17 MEI 2017 (RABU)

Cyber attack hits academic body

> First case of WannaCry ransomware officially reported

BY ***AMAR SHAH MOHSEN***
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: CyberSecurity Malaysia yesterday received its first official report of the WannaCry ransomware cyber attack in the country, confirming the attack has reached Malaysia.

Its chief executive officer Datuk Amirudin Abdul Wahab said the report was lodged by an academic institution, adding there are more incidents he believed were not reported.

"We would like to urge the public (organisations and individual users) to report any type of ransomware attacks to CyberSecurity Malaysia by contacting our Cyber999 help service," he said in a statement yesterday.

"System administrators are urged to patch their systems and keep their users aware of the new ransomware in order to prevent them from clicking on suspicious emails and files."

Automated teller machines (ATMs) in the country will operate as usual in the coming days, contrary to a viral message that claimed otherwise, following reports of the ransomware atttacks.

Checks with several banks, including Maybank, Public Bank and CIMB, confirmed that the message on social media was not true.

The message had claimed that ATMs would be closed for the next two to three days due to a ransomware attack in India, advising users to withdraw their money for the rest of the week.

It also warned users against making any online transactions and opening a video titled "Dance of the Hillary" as it contains a virus that formats mobile phones.

theSun had yesterday reported that at least 10 Windows computers had been hit by the ransomware, which works by encrypting files on target computers before demanding a ransom be paid in the crypto-currency Bitcoin.

The WannaCry ransomware has hit over 200,000 systems in some 150 countries, with hackers charging US$300 (RM1,295) for their files to be decrypted.

IT security service provider LGMS founder Fong Choong Fook said the ransomware has been traced back to as early as mid-April in Malaysia.

It was earlier reported that the first case in the country was on the weekend of May 13-14.

"Contrary to what we said earlier (that the first case was this past weekend) it was quite shocking when we found out that the virus had already invaded Malaysia since the second week of April.

"A victim sent us a picture of the screenshot he took of the ransomware that hit his device. But he only told us about it on Monday," he said when contacted yesterday.

Fong added that there are now more than 12 cases of the WannaCry attack that he knew of in the country, up from the 10 he previously said on Monday.

He said it is the prerogative of individual Windows computer users to ensure that they do not fall victim to the attack.

The public may visit the following website for advisory alert as a preventive measure: https://www.mycert.org.my/en/services/advisories/mycert/2017/main/detail/1263/index.html.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 17 MEI 2017 (RABU)

IT@ Metro

EDITOR : NASHARUDDIN MUHAMMAD
TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4918 **FAKS** : 03-20567083/7084



WANNACRY MENANGIS TAK BERLAGU

Afiq Hanif
afiq_hanif@hmetro.com.my

Satu serangan siber besar-besaran menyerang dunia hingga kini sejak pertama kali dikesan pada 12 Mei lalu.

Lebih membimbangkan, Malaysia turut menerima tempias apabila tersenarai dalam negara yang boleh menerima jangkitan Wannacry jika tidak berhati-hati.

CyberSecurity Malaysia (CSM), agensi keselamatan siber di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengeluarkan amaran berkaitan Wannacry.

> 2&3

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 17 MEI 2017 (RABU)

NEGARA seperti Korea Selatan mengambil tindakan bagi

PERLU bayar untuk dapatkan semula fail

WANG TEBUSAN INTERNET

Russia, Ukraine, India dan Taiwan antara negara yang teruk djangkiti Wannacry

FOKUS

DARI MUKA 1

Serangan berbentuk ransomware terbabit dikenali sebagai Wannacry atau WanaCrypt0r 2.0 mengeksploitasi kelemahan yang ada di dalam sistem operasi Windows dan mengubah fail kepada sebuah enkripsi atau 'locked'.

Kemudian, ia akan meminta wang tebusan sebelum melepaskan kunci untuk mendekripsi fail terbabit kepada asalnya.

Microsoft menyatakan, Wannacry tidak dapat memasuki sistem komputer Windows yang sentiasa dikemas kini, tetapi ia dikesan menyerang ratusan ribu komputer yang masih menggunakan sistem operasi lama seperti Windows Server 2003, Windows 8 sehingga Windows XP yang tidak lagi menerima sokongan Microsoft.


DR Amirudin

Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, ransomeware menggunakan modus operandi eksploitasi Server Message Block (SMB) yang dibocorkan Shadow


HOSPITAL di Jakarta terjejas dengan serangan Wannacry.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 17 MEI 2017 (RABU)

BENTUK enkripsi Wannacry yang menghalang akses.



ANTARA negara yang terjejas

HOSPITAL di Britain alami gangguan.

Brokers.

"Malware akan disebarkan menerusi sistem yang terdedah kepada kebocoran keselamatan terutama yang menggunakan sistem operasi Windows yang dibaiki Microsoft ketika ini," katanya.

Beliau berkata, bagi menangani masalah eksploitasi Shadow Brokers, pengguna perlu mengikut arahan keselamatan yang disediakan syarikat keselamatan masing-masing.

"Pihak pentadbir keselamatan perlu menampal atau patch sistem mereka secepat mungkin dan memaklumkan kepada pengguna bahaya ransomware jenis baru ini bagi mengelakkan mereka membuka e-mel atau fail yang meragukan," katanya.

Katanya, CSM memantau situasi ransomeware di negara ini dengan langkah ketat dan akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk menyediakan bantuan teknikal kepada organisasi yang memerlukan melalui perkhidmatan Cyber999.

Pentadbir sistem dan pengguna Internet boleh mengambil langkah ringkas berikut bagi mengelakkan gejala Wannacry. Antaranya.

1.Lakukan backup untuk maklumat kritikal..

2.Lakukan kemas kini keselamatan pada anti virus.

3.Kemas kini sistem operasi dan perisian dengan kerap melalui patch baru.

4. Jangan membuka pautan web dalam e-mel secara melulu.

5. Layari laman web dengan berhati-hati.

Sementara itu, syarikat keselamatan siber, Kaspersky mengesan lebih 45 ribu kes berkaitan epidemik global Wannacry terbabit.

Penulis Keselamatannya, Alex Perekalin berkata, angka terbabit sebenarnya berkemungkinan jauh lebih tinggi.

"Serangan Wannacry terjadi serentak mengakibatkan beberapa agensi seperti hospital di United Kingdom terpaksa menutup operasi sementara.

"Menurut data yang dikeluarkan pihak ketiga, Wannacry menjangkiti lebih 100,000 komputer," katanya.

Dalam data dikeluarkan Kasperky menunjukkan Rusia, Ukraine, India dan Taiwan antara negara yang teruk djangkiti Wannacry pada hari pertama serangan.

"Kami turut menerima laporan 74 negara lain (termasuk Malaysia)," katanya.

Menurutnya, Wannacry mengandungi dua jenis serangan yang mana bahagian pertama dinamakan 'exploit' bertujuan memberi kesan dan propagasi kepada komputer.

"Keduanya, ia akan menunjukkan 'encryptor' yang dipindah turun dalam komputer selepas ia dijangkiti," katanya.

Setakat ini, kes paling hampir dengan Malaysia berlaku di Jakarta, Indonesia yang mana sebuah hospital di Jakarta terjejas akibat Wannacry yang dilancarkan lewat Jumaat lalu tetapi tiada petunjuk Indonesia menjadi antara negara terjejas teruk.

Menteri Komunikasi dan Maklumat, Rudiantara menggesa semua syarikat mengemas kini keselamatan komputer mereka sebelum menyambungkan ke Internet.

Dalam serangan berkenaan, penggodam memperdayakan mangsa dengan membuka pautan virus dalam e-mel.

Ransomware mengunci data pengguna dan menuntut mangsa membayar AS$300 (RM1,304) hingga AS$600 (RM2,608) dalam bentuk mata wang maya Bitcoin untuk membuka data berkenaan.

Wannacry adalah kategori ransomware di bawah malware yang menyerang komputer dan mengehadkan akses kepada sistem sehingga bayaran tertentu dibuat kepada pencipta virus untuk membuka sekatan.

Aplikasi berbahaya ini cuba memaksa mangsa membayar wang tebusan dengan mengeluarkan mesej 'pop-up' di atas skrin komputer.

Mesej pop-up ini akan menyatakan komputer pengguna sudah dikunci dan semua fail di dalamnya dienkripsi sebelum meminta wang tebusan dibayar bagi memulihkan semula akses ke komputer mereka.

Pencipta ransomware akan mengakibatkan mangsa menjadi panik hingga menekan pautan ataupun membayar wang tebusan bernilai ribuan atau jutaan ringgit

Namun, pengguna tidak akan sedar, pembayaran wang tebusan bukan penyelesaian untuk serangan jenis ini berikutan mereka akan terjurus kepada jangkitan malware atau virus yang lain pula.

Serangan ini tidak terhad kepada individu persendirian sebaliknya boleh melumpuhkan operasi atau sistem perniagaan dan syarikat selain mendatangkan kerugian besar berikutan terpaksa membaiki dan memulihkan sistem atau fail yang rosak serta boleh menjejaskan reputasi syarikat.

CSM memaklumkan, ransomware bukan mensasarkan pengguna biasa, malah perniagaan yang mengakibatkan kehilangan maklumat sensitif, operasi tergendala, sumber kewangan terjejas untuk membaik pulih sistem dan fail serta memusnahkan reputasi.

"Kami nasihatkan pengguna melihat pautan https://www.mycert.org.my/en/services/advisories/mycert/2017/main/detail/1262/index.html atau https://www.mycert.org.my/en/services/advisories/mycert/2017/main/detail/1255/index.html bagi maklumat lanjut," katanya.

Sehingga kini, beberapa sistem hospital, syarikat telekomunikasi, penghantaran dan lain-lain perniagaan di seluruh dunia terjejas teruk akibat serangan Wannacry ini.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (SERANGAN SIBER) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 17 MEI 2017 (RABU)

Hanya 1 laporan kes 'ransomware'

CSM percaya lebih banyak kes serangan siber tidak dilapor

Oleh Rohaniza Idris dan Wan Norhayati Wan Alias
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur

CyberSecurity Malaysia (CSM) hanya menerima satu laporan rasmi mengenai serangan siber 'ransomware' sejak perisian kod hasad WanaCrypt0r 2.0. melumpuhkan rangkaian komputer di hampir 100 negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab dalam satu kenyataan semalam, berkata pihaknya percaya ada lebih banyak kes serangan sedemikian di negara ini, tetapi tidak dilaporkan kepada mereka.

"Laporan diterima daripada sebuah institusi pendidikan hari ini (semalam)," katanya menggesa organisasi atau pentadbir sistem berwaspada dan mengambil tindakan perlu bagi melindungi dan menjamin infrastruktur rangkaian komputer mereka.

Tanpa menamakan institusi pendidikan yang membuat laporan itu kerana faktor keselamatan, Amirudin berkata, rakyat negara ini masih tidak sedar kewujudan 'ransomware' kerana tiada maklumat mencukupi mengenai ancaman itu.

"Media sosial kini menyebar mesej palsu berkaitan 'ransomware wannaCry'. Orang ramai diminta dapatkan pengesahan maklumat yang diterima daripada organisasi rasmi bagi mengesahkan kesahihan maklumat itu sebelum berkongsi melalui media sosial.

Rujuk CSM

"Kami juga minta orang ramai melengkapkan diri dengan ilmu keselamatan siber dan menggunakan teknologi (internet dan aplikasi) secara berhemah dan beretika," katanya.

Sebagai langkah keselamatan, beliau menasihatkan pentadbir sistem meningkatkan keselamatan sistem komputer dan mengingatkan pengguna agar sentiasa berwaspada mengenai serangan baharu 'ransomware'.

"Ia untuk menghalang mereka daripada klik pautan yang dihantar bersama e-mel dan fail mencurigakan. Orang awam boleh merujuk kepada amaran serta nasihat CSM menerusi laman web korporat di bawah MyCERT untuk pencegahan.

"Kami akan terus pantau keadaan semasa dan ambil tindakan perlu, bantuan teknikal pemulihan dan pencegahan melalui Cyber999"

Amirudin Abdul Wahab,
Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia

"Orang ramai diminta lapor serangan 'ransomware' kepada CSM menerusi pusat bantuan Cyber999. Kami akan terus pantau keadaan semasa dan ambil tindakan, bantuan teknikal pemulihan dan pencegahan melalui Cyber999," katanya.

Tak terima laporan

Beliau juga mengesahkan tidak menerima laporan daripada hotel dan institusi perbankan mengenai serangan 'ransomware', sekali gus menafikan penyebaran mesej palsu di media sosial seperti nasihat pengeluaran wang daripada bank.

"Namun, ramai peniaga dalam talian tidak sedar gangguan terhadap 'server' komputer mereka berpunca daripada serangan siber. Walaupun laporan dibuat kepada penyedia jalur lebar, ia di luar kepakaran syarikat itu kerana bukan serangan teknikal.

"Serangan siber menjejaskan operasi dan kewangan peniaga dalam talian, berupaya mengakibatkan kecurian dan kehilangan data, menjejaskan reputasi dan imej syarikat serta mengakibatkan kerugian," katanya.

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 17 MEI 2017 (RABU)

Ransomware now matter of national security

PETALING JAYA — The National Security Council (NSC) is now overseeing operations related to cyber threats in the country after an academic institution was the latest to be hit by the ransomware "WannaCry".

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim said the prime minister (Datuk Seri Najib Razak) is the chairman of NSC. Shahidan, however, declined to divulge more information.

"I'm waiting for other agencies to update me," he said yesterday, adding that only NSC was authorised to issue statements.

Insiders said organisations from several sectors, including a government-linked company, had been hit by the ransomware. The organisations are from the automotive, finance, education and hospitality sectors.

WannaCry works by infecting computers, usually via email, with an encryption program which locks the device. It would then demand payment, in Bitcoin, to release data. Friday's attacks hit 200,000 computers in 150 nations, crippling businesses, factories and government services.

CyberSecurity Malaysia chief executive officer Datuk Amirudin Abdul Wahab, in revealing an academic institute was hit, said many organisations were hit by the ansomware but had yet to report the data hostage.

Amirudin said Malaysia had received similar attacks in the past.

"We received threats such as Cryptolocker, Cryptowall, CBT Locker, Teslacrypt Locky, and several types of ransomware. It targeted individuals and businesses," he said.

Amirudin said many Malaysians were not aware about ransomwares and he urged system administrators to be alert and continue to protect and secure their network infrastructure.

"System administrators are urged to patch their systems and keep their users aware of the new ransomware in order to prevent them from clicking on suspicious emails or files.

"Malaysians are also advised to equip themselves with cyber security knowledge and use the Internet prudently," said Amirudin.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 26
TARIKH : 17 MEI 2017 (RABU)

Bicara Berirama terjemahkan matlamat WOW 2017

SEMPENA sambutan Minggu Laut Sedunia 2017 (WOW 2017) yang disambut setiap tahun oleh UMT, universiti berkenaan menganjurkan pertandingan Bicara Berirama (*choral speaking*) peringkat kebangsaan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), yang melibatkan pelajar-pelajar dari sekolah berasrama penuh dan sekolah kecemerlangan seluruh negara.

Ini merupakan penglibatan kali pertama seumpamanya melibatkan pelajar daripada sekolah-sekolah berkenaan untuk bertanding pada platform yang sama.

Penganjurannya juga bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat dan pelajar tentang kepentingan menjaga dan memulihara laut. Ia juga bertujuan memberi peluang kepada golongan tersebut terlibat secara langsung bersama UMT dalam melindungi alam sekitar juga menyemai semangat untuk bersama melindungi biodiversiti marin.

Pertandingan tersebut adalah dalam bentuk persembahan bahasa puisi atau prosa secara berkumpulan. Pasukan akan membentuk satu paduan suara tematik yang menghayati hasrat atau tema untuk diperdengar kepada audiens, kesepaduan dan keseragaman bersuara ini akan dikawal oleh seorang peserta yang bertindak sebagai konduktor.

Sementara itu, program WOW 2017 UMT mendapat dukungan pusat pengajian dan institut kecemerlangan universiti berkenaan dengan pengisian pelbagai aktiviti berkaitan kelautan alam sekitar.

DR. NOR AIENI MOKHTAR dan wakil dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama pemenang pertandingan Bicara Berirama serta hadiah kemenangan masing-masing.

Sebagai contoh penganjuran Survival Laut dan Penghayatan Warisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) oleh Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling, Bicara Kesedaran Laut (Pusat Komunikasi Korporat), Selamatkan Penyu Laut (Unit Penyelidikan Penyu Laut - SEATRU).

Program lain termasuklah antaranya Pameran Spesimen Laut dan Kesedaran Alam Sekitar pertandingan mewarna kanak kanak bertemakan laut dan juga pertandingan membina istana pasir oleh Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS).

Dalam pada itu, Dekan Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran UMT, **Prof. Madya Dr. Marinah Mohd. Ariffin** berkata, pengisian program kali ini diberi nilai tambah dengan pengenalan Bicara Berirama.

Penganjurannya adalah sejajar dengan matlamat WOW 2017 yang ingin memperkasa bidang sains marin menerusi medium bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.

Beliau berkata, sebelum ini sambutan WOW juga memperkenal program Kem Kepimpinan Sains Marin melibatkan dua pelajar daripada 69 buah sekolah berasrama penuh dengan matlamat memupuk dan meningkatkan penghayatan terhadap hidupan laut dalam.

"Usaha memupuk minat pelajar mencintai alam sekitar perlu dimulakan pada peringkat muda.

"Dalam masa sama apabila mereka memasuki alam unversiti kelak, mereka memilih bidang sains marin," ujarnya.

Yang turut hadir Timbalan Setiausaha (Bahagian Teknologi Strategik dan Aplikasi) MOSTI, Kapten Zaharuddin Mohd. Maideen; dan Ketua Jabatan, Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementeran Pendidikan, Datuk Rashidah Md. Arif.

PERTANDINGAN membina istana pasir antara aktiviti sempena WOW 2017.

KANAK-KANAK menyertai pertandingan melukis.

PENGGUNAAN beg plastik diberi penekanan.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 17 MEI 2017 (RABU)

Kalidevi Mogan Kumarappa dan Siraj Mohd Zaini
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

ANGGOTA polis membawa ketua sindiket pelaburan JJPTR serta dua ahlinya ke Mahkamah Majistret Klang.

Mana pergi RM1.7 bilion?

■ *Dalang utama sindiket pelaburan JJ Poor To Rich (JJPTR) dicekup polis Bukit Aman*

Mana wang pelaburan haram bernilai lebih RM1.7 bilion yang digelapkan? Itu persoalan 'cepu emas' susulan penahanan tiga individu termasuk dalang utama sindiket pelaburan JJ Poor To Rich (JJPTR) awal pagi semalam.

Difahamkan dalang utama serta pengasas pelaburan itu, Lee Choong Sen atau dikenali sebagai Johnson Lee diberkas bersama pembantu peribadi dan orang kanannya berdekatan Balai Polis Petaling Jaya, jam 4.30 pagi.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani berkata, tiga suspek terbabit berusia 28 hingga 29 tahun itu ditahan polis selepas dipercayai memainkan peranan utama dalam pelaburan.

"Turut dirampas sebuah kereta model Honda Accord, lima telefon pintar, pelbagai dokumen berkaitan pelaburan JJPTR, buku cek, 11 keping kad kredit dan kad debit pelbagai bank dan wang tunai berjumlah RM20,936.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dalam kejadian 12 Mei lalu, lapan serbuan dilancarkan JSJK Bukit Aman bersama Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA), Bank Negara Malaysia (BNM), Pasukan Penguat Kuasa Pemulihan Hasil Negara (NRET), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Cybersecurity Malaysia (Cybersecurity) di sekitar Pulau Pinang.

FAKTA
Johnson Lee, dua ahli direman tiga hari bermula semalam

Hasilnya, dalam serbuan itu seramai 15 pekerja dan empat pelabur berusia lingkungan 23 hingga 40 tahun ditahan di beberapa pejabat dan kediaman.

JJPTR dikesan sindiket pelaburan berasaskan perniagaan Forex yang mengutip wang pelaburan RM1.7 bilion.

Syarikat pelaburan itu mula menjadi perhatian media sejak bulan lalu selepas pengasasnya, Johnson Lee mendakwa akaunnya digodam sehingga mengakibatkan kerugian lebih AS$50 juta (RM217 juta).

Difahamkan, terdapat puluhan ribu ahli JJPTR yang diminta untuk melabur antara AS$25 dan AS$1,000 (RM110 dan RM4,400) dan menjanjikan pulangan bulanan 20 peratus.

Sementara itu, Johnson Lee dan dua ahlinya direman tiga hari bermula semalam oleh Majistret Nik Nur Amalina Mat Zaidan di Mahkamah Majistret Klang.

Ketiga-tiga suspek dilihat dibawa masuk ke perkarangan mahkamah oleh pegawai polis dengan tangan bergari pada jam 2.45 petang.

PELABURAN JJ POOR TO RICH (JJPTR)

- Didalangi tiga lelaki tempatan iaitu Lee Choong Sen dan dua orang kanannya
- Dianggarkan 400,000 ahli JJPTR diperdaya selepas melabur antara AS$25 dan AS$1,000 (RM110 dan RM4,400) dan menjanjikan pulangan bulanan 20 peratus
- Hanya dua mangsa tempatan tampil membuat laporan polis berhubung sindiket itu
- Sindiket pelaburan berasaskan perniagaan Forex ini mengutip RM1.7 bilion
- Pelabur turut membabitkan rakyat Filipina, Thailand, Indonesia, Singapura dan China

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 17 MEI 2017 (RABU)

Tiga termasuk pengasas pelaburan JJPTR diberkas

Oleh NURAINA HANIS HALIM
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 16 MEI**

SINDIKET penipuan pelaburan JJ Poor To Rich (JJPTR) yang dipercayai memperdaya ribuan mangsa dengan mengaut keuntungan sebanyak RM1.7 bilion tumpas selepas polis menahan tiga individu termasuk pengasas skim berkenaan berhampiran Balai Polis Petaling Jaya dekat sini hari ini.

Dalang utama, Johnson Lee Chong Sen, 29, yang memperdaya mangsanya menerusi pelaburan pertukaran mata wang asing (Forex) ditahan sepasukan pegawai dan anggota dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman dalam serbuan kira-kira pukul 4.30 pagi.

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani berkata, pihaknya turut menahan dua individu yang berperanan sebagai orang kanan dan pembantu peribadi dalang utama pelaburan tersebut.

Menurutnya, beberapa barangan peribadi dipercayai milik suspek turut dirampas iaitu sebuah kereta Honda Accord, lima unit telefon bimbit, pelbagai dokumen berkaitan skim pelaburan JJPTR, buku cek, 11 keping kad debit dan kredit pelbagai bank dan wang tunai RM20,936.

"Setakat ini kita terima lima laporan polis. Dua kertas siasatan telah dibuka berhubung kes ini.

"Semua suspek berusia antara 28 dan 29 tahun itu telah mendapat perintah reman selama tiga hari bermula hari ini dari Mahkamah Majistret Klang dan siasatan dijalankan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pada Jumaat lalu, akhbar melaporkan seramai 19 individu berusia antara 23 dan 40 tahun ditahan dalam lapan serbuan berasingan dilancarkan sekitar Pulau Pinang.

Kesemua suspek terdiri daripada 15 pekerja sindiket dan empat pelabur itu ditahan JSJK Bukit Aman bersama Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA), Bank Negara Malaysia (BNM), Pasukan Penguat Kuasa Pemulihan Hasil Negara (NRRET), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Cybersecurity Malaysia (Cybersecurity) bagi membantu siasatan berhubung kes berkenaan.

Di Mahkamah Majistret Klang hari ini, perintah reman terhadap kesemua suspek dikeluarkan oleh Majistret Nik Nur Amalina Mat Zaidan kira-kira pukul 2.55 petang.

Ketiga-tiga suspek termasuk orang kanan serta pembantu peribadi dalang sindiket pelaburan itu diwakili peguam, K. Jaya Prem dan Mohd. Shukri Ahmad Mansor.

Sementara itu di luar mahkamah, Jaya Prem memberitahu, kesemua anak guamnya dihantar ke Lokap Pusat Shah Alam bagi membantu siasatan berhubung satu laporan polis di sini berkaitan kes penipuan pelaburan berjumlah RM56,400.

TIGA lelaki termasuk pengasas sindiket pelaburan JJPTR dibawa untuk mendapatkan perintah tahanan reman di Mahkamah Klang, Selangor, semalam. – UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

Kerugian
RM1.7 bilion

Modus operandi

Menawarkan skim pelaburan yang didakwa berasaskan Forex. Menjanjikan pulangan keuntungan faedah bulanan 20%.

(16 Mei)
Rampasan- Honda Accord, 5 unit telefon bimbit, pelbagai dokumen berkaitan skim pelaburan JJPTR, buku cek, 11 keping kad debit dan kredit pelbagai bank dan wang tunai RM20,936.

(13 Mei)
7 unit komputer, mesin pengira wang, ratusan dokumen JJPTR, televisyen, perakam kamera litar tertutup (CCTV) dan wang tunai berjumlah RM3,300 dirampas.

"Setakat ini kita terima lima laporan polis. Dua kertas siasatan telah dibuka berhubung kes ini."

ACRYL SANI ABDULLAH SANI
Pengarah JSJK Bukit Aman

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 17 MEI 2017 (RABU)

Pendekatan pembayaran cukai berbeza untuk penggiat seni

KUALA LUMPUR 16 Mei - Kementerian Komunikasi dan Multimedia mahu pendekatan berbeza digunakan bagi pembayaran cukai dalam kalangan karyawan dan penggiat seni kerana pendapatan yang diperoleh mereka tidak tetap.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, hal itu kerana profesion sebagai karyawan seni berbeza dengan pekerjaan lain.

Oleh itu katanya, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) perlu memberi penerangan dan kefahaman yang jelas kepada golongan itu mengenai aspek pembayaran cukai.

"Ini bagi memastikan pembayaran cukai dalam kalangan karyawan seni lebih teratur pada masa depan.

"Dalam masa sama, ada juga yang bergerak secara individu dan menyalurkan pendapatan kepada rumah kebajikan dan pembelian baju, namun mereka tidak ada pengecualian kerana mereka tidak mempunyai syarikat," katanya selepas Majlis Sepetang Mesra bersama karyawan seni anjuran LHDN dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) di sini hari ini.

Kira-kira 200 karyawan seni hadir termasuk Datuk Norman Abdul Halim (KRU), Datuk Ziela Jalil dan Datuk Yusof Haslam.

Dalam majlis itu turut diadakan sesi dialog antara karyawan seni dengan Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Sabin Samitah.

Sementara itu Salleh berkata, LHDN juga perlu memberi penerangan secara jelas mengenai maklumat pembayaran cukai kepada karyawan seni terutama yang tidak hadir ke majlis itu.

Dalam perkembangan lain Salleh berkata, kementerian masih belum menerima sebarang maklumat berhubung virus Ransomware Wannacry yang didakwa sudah merebak di negara ini.

"Sehingga kini kementerian tidak menerima apa-apa laporan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)," ujarnya.

Walau bagaimanapun Salleh berkata, orang ramai harus melaksanakan langkah berjaga-jaga yang disyorkan oleh CyberSecurity Malaysia bagi mengelakkan terkena serangan virus tersebut.

Sementara itu Sabin ketika ditemui berkata, LHDN boleh memberi pertimbangan ansuran cukai kepada karyawan seni yang benar-benar layak.

"Sebagai contoh, jika karyawan seni tersebut tidak boleh membayar secara total, kita boleh menimbangkan untuk pembayaran bagi tempoh yang lebih panjang," katanya.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (EXCELLENCE IN EDUCATION)
: MUKA SURAT 26
TARIKH : 17 MEI 2017 (RABU)

UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS

OneBAJA ready for market

The unique feature of OneBAJA is that the technology enables the fertiliser to be tailored to deliver the required nutrients needed at each step of growth for the specific crop.

UNIVERSITI Teknologi Petronas (UTP) revolutionary designer fertiliser is just about ready for the market, and once the product is launched, it will herald a new era of improved yields from cash crops.

Known as OneBAJA, the evolution and design of this fertiliser has broken technology barriers in the making of fertiliser and is drawing attention from global partners.

Brewing in the labs of UTP since 2011, one of the unique features of OneBAJA is that the technology enables the fertiliser to be tailored to deliver the required nutrients needed at each step of growth for the specific crop, hence the term "designer fertiliser".

When fed with the right nutrients at the right growth period, the development and maturity of the crops will be optimised and yields will be better.

Formulated with slow-release technology, the project, which was funded by the Higher Education Ministry, has commendably won the Malaysia Technology Expo Gold Medal for the innovative combination of electromagnetic and nanotechnology to produce green urea.

The project won a gold medal and the Best Invention Award by International Federation of Inventors' Association at the 2017 International Invention, Innovation & Technology Exhibition.

It has also won Gold Medal and Best Green Invention Award at the SIRIM Invention, Innovation and Technology Expo 2017.

The 70 per cent uptake of nutrients in this designer fertiliser reduces leaching process, hence it is greener in nature, while also al-

>> *Turn to* ***Page 28***